

# DESCARTES DAN KERASIONALAN KEWUJUDAN DI DALAM “A DISCOURSE ON THE METHOD”

Fauzi Naeim Mohamed

Universiti Kuala Lumpur–Malaysian Institute of Information Technology, Malaysia

## Pendahuluan

René Descartes (1596-1650) dalam bukunya bertajuk, terjemahan Inggerisnya, *A Discourse on the Method* (1637), atau dalam bahasa Melayu nanti, *Sebuah Wacana Tentang Kaedah/Metode*, melakukan satu refleksi radikal apabila cuba membuktikan kewujudan Tuhan berasaskan ketajaman aqal semata-mata. Buku ini tidaklah tebal – cuma mengandungi 6 Bab – dan asalnya ditulis dalam Perancis dengan judul *Discours de la méthode pour bien conduire sa raison, et chercher la vérité dans les sciences* (*Discourse on the Method of Rightly Conducting One's Reason and of Seeking Truth in the Sciences* tetapi dipendekkan oleh penterjemah Inggeris sebagai *A Discourse on the Method* sahaja). Hujahannya amat berpengaruh lagi berkontroversi; hujahnya itu bukan sahaja pencetus bagi revolusi rasional moden tetapi dikritik hebat oleh kumpulan skolastik Kristian, oleh kumpulan yang dipengaruhi oleh Aristoteles dan pemikir Yunani (Helena/Greek) lain. Di dalam sejarah falsafah Barat, Descartes sering ‘dibangunkan’ dalam penulisan, ‘dihujahkan’ dan ‘dimatikan’ terus-menerus sepanjang zaman. Beliau diraikan sebagai pemula kepada hujah rasional, sebagai Bapa Falsafah Moden dan pencetus kepada Zaman Pencerahan di Eropah pada lewat kurun ke-17. Walaupun begitu, pada 1643, falsafah Cartesian (nama am bagi mazhab pemikiran Descartes) dikutuk secara besar-besaran dengan penuh rasminya oleh Universiti Utrecht. Pada 1663, karyanya diharamkan dan diselitkan ke dalam *Index of Forbidden Books* (Indeks Buku Terlarang) oleh *Roman Inquisition*.

Terlebih dahulu, sudi saya membuat beberapa pernyataan tentang naskhah kajian. Kesemua pernyataan daripada Descartes yang disebut di dalam makalah dipetik daripada *A Discourse on the Method* hasil terjemahan Ian Maclean, terbitan Oxford University Press, 2006. Buku ini mudah didapati dan mempunyai pengenalan sejarah yang bagus. Terjemahan petikan Descartes ke bahasa Melayu semuanya dibuat oleh saya. Untuk memudahkan wacana saya akan pakai DM mewakili *A Discourse on the Method*. Sekiranya para pembaca budiman boleh bertutur dalam Perancis dan Latin, saya cadangkan edisi René Descartes, *Oeuvres de Descartes: Discours de la méthode & Essais*, Jilid 6, disunting oleh Charles Adam dan Paul Tannery (Paris: Leopold Cerf, 1902). Edisi Charles Adam dan Paul Tannery ini dianggap oleh sarjana Eropah-Barat sebagai rujukan semesta (universal) Descartes. Perlu juga disebutkan di sini bahawa pada tahun *Discourse* diterbitkan, karya itu datang bersama tiga esei lain; *Dioptrics*, *Meteorology* dan *Geometry*. Namun, di atas dasar skop wacana dan keterhadan ruang, saya hanya akan fokus kepada *Discourse*, kerana karya ini berupa penulisan yang lebih penting dalam sejarah falsafah di Perancis. Makalah yang sangat ringkas ini adalah satu cubaan untuk melihat apakah bentuk pandangan ‘rasional’ Descartes dalam *A Discourse on the Method*. Bagaimanakah pula yang dikatakan sebagai kaedah Descartes dalam falsafah? Sebelum kita masuk ke dalam aqal Descartes, adalah lebih baik kita memahami terlebih dahulu latar belakang di tempat buku ini diterbitkan.

---

\*Penulis untuk dihubungi:

naeim3f@gmail.com

ISSN 1985-6296 ©Pusat Dialog Peradaban

## Dominasi Insititusi Gereja Kristian

Sejarah awal Eropah sekitar 1400 hingga 1800 sebenarnya juga ialah sejarah dominasi insititusi gereja terhadap politik dan ilmu orang-orang Eropah. Penguasaan gereja terlalu mencengkam sehingga ia bukan sahaja melemaskan kajian saintifik dan kesenian, tetapi peradaban Pengkristianan (Kristianisasi). Sebab itulah timbul kumpulan Protestan yang diwakili oleh Martin Luther (1483-1546) yang menulis *Ninety-Five Theses* pada tahun 1517 atas tujuan untuk membuat reformasi kepada gereja. Pada penghujung kurun ke-16 dan 17, muncullah beberapa idea yang bertunjangan kerasionalan sains yang bergerak melawan arus perdana gereja. Apabila ahli matematik dan falsafah Itali, Giordano Bruno (1548-1600), tidak bersetuju dengan beberapa doktrin Katolik seperti bumi sebagai pusat alam semesta, konsep Trinitati dan *transubstantiation*<sup>1)</sup>, pihak gereja Roma menuduhnya bidaah dan setelah mendakwa dan mendapatinya bersalah, membakarnya di kayu pancang di Campo de' Fiori, Rom pada 1600<sup>2)</sup>. Galileo Galilei (1564-1642), seorang saintis Itali, membuat kenyataan kontroversi apabila beliau mendapati (hasil daripada kajian teleskopnya) bahawa bumi bergerak mengelilingi matahari. Ini menjadikan bumi bukannya pusat bagi alam! Hujah serta pembuktian Galileo amat berbeza dengan wacana gereja Kristian pada ketika itu, yang melihat matahari dan bintang mengelilingi bumi yang static dan bukan sebaliknya<sup>3)</sup>. Pendapat Galileo ini sebenarnya telah dimulakan awal lagi oleh Nicolaus Kopernik/Copernicus (1473-1543) apabila beliau mendakwa bahawa alam semesta ini berpusatkan kepada matahari dan bukannya bumi. Ini dinamakan fahaman berpusatkan syamsi (heliosentrik). Dalam teleskop yang dibinanya sendiri sekitar 1609-10, Galileo menjumpai 4 bulan pada planet Musytari (Jupiter), walhal dalam fahaman tradisi kosmologi Kristian, Musytari tidak mungkin ada satelitnya. Perjumpaan Galileo ditentang hebat oleh orang kuat gereja dan beliau didakwa telah sesat daripada ajaran Jesus. Karya Galileo bertajuk, terjemahan Inggerisnya, *Dialogue Concerning the Two Chief World Systems* (asalnya dalam bahasa Italia: *Dialogo sopra i due massimi sistemi del mondo*) diharamkan pada 1632 dan buku ini dibakar di Roma, Italia. Galileo dikurung dirumahnya sehingga beliau meninggal dunia pada umur 77 tahun dalam tahun 1642.

## Wacana Descartes tentang Kaedah/Metode

Descartes, apabila mendengar bahawa karya Galileo *Dialogue Concerning the Two Chief World Systems* diharamkan dan dibakar di Roma, hampir putus asa untuk menyiapkan karyanya yang bertajuk *Le Monde* (*Alam semesta*). Dalam surat kepada sahabatnya Mersenne, beliau menulis, “Aku begitu terkejut mengenainya sehingga aku hampir mahu memutuskan untuk membakar kesemua penulisanku atau setidak-tidaknya, untuk memastikan tiada orang yang melihatnya.” (DM: xxxiv; terjemahan saya). Buku *Le Monde* sebenarnya berasaskan daripada sistem Kopernik/Copernicus (yang dikutuk oleh pihak gereja pada 1616). Descartes risau bahawa serangan pihak gereja yang terkena pada Galileo boleh – pada bila-bila masa sahaja – terkena kepada Descartes, walaupun beliau berada di Perancis manakala Galileo di Itali. Descartes cuak dan berhenti meneruskan *Le Monde*. Namun setelah dipujuk oleh rakan-rakannya, beliau lantas mengadaptasikan beberapa pernyataan penting tentang falsafah sebagai *A Discourse on the Method*. Walau bagaimanapun, draf bagi buku *Le Monde* diterbitkan akhirnya pada 1664, yakni 14 tahun selepas beliau meninggal dunia kerana radang paru-paru, pada 11 Februari 1650, Stockholm.

Buku *Discourse on Method* amat penting dalam sejarah falsafah Barat kerana buku ini merupakan asas bagi karya agung Descartes seterusnya, *Meditations on First Philosophy* (asalnya dalam Latin: *Meditationes de Prima Philosophia*), yang diterbitkan pada 1641, Paris. Sarjana Cartesian, John Cottingham, menyebut bagaimana *Meditations on First Philosophy*, “tanpa perlu dipertikaikan lagi, salah satu daripada klasik falsafah terhebat sepanjang zaman” (Descartes, 1996: xviii; terjemahan saya). Karya Descartes juga disenaraikan dalam *The Twenty Greatest Philosophy Books* (2006) oleh James Garvey dan *Masterpieces of World Philosophy* (1990) yang disunting oleh Frank N. Magill dan senarai-senarai yang lain. Ini semua menunjukkan betapa tingginya karya Descartes dipandang oleh para cendekiawan/intelektual Barat.

*Discourse on Method* dikarang oleh Descartes khas kepada penggemar falsafah dan sains. Selain daripada itu, ia adalah satu kritikan kepada sekolah Jesuit lamanya, *Collège de la Flèche*, dan tradisi skolastik secara amnya. Penulisan oleh para falsafawan (ahli falsafah, failasof atau filsuf) Yunani Klasik seperti Aflatun/Plato dan Aristoteles/Aristotle, baginya, sudah ketinggalan zaman. Kolot. Sebenarnya, kalau diikutkan sejarah pembacaannya, beliau sendiripun tidak minat membaca buku-buku tebal! Buku yang panjang biasanya, menurut Descartes, datang sebab penulisnya tidak mempunyai kekuatan intelek untuk menjelaskan dengan baik lagi efisien; sebab itu teks jadi berpusing-pusing. Ini kritikan biasa bagi falsafah analitik kepada pemikiran kontinental. Sebab itulah penulisan Descartes biasanya ringkas, untuk memudahkan khalayak mencernakan dengan baik. Sememangnya Descartes amat cerewet dengan bukan sahaja penulisan dan permasalahan penerbitannya, tetapi juga *bentuk ilmu* pembacanya. Dalam muqaddimah bagi *Meditations on First Philosophy*, beliau menulis: "Aku tidak menggesa sesiapa untuk membaca buku ini kecuali mereka yang mampu dan sanggup untuk bermeditasi secara serius bersamaku." (Terjemahan saya). Jelas sekali Descartes tidak mahu orang biasa membacanya, tetapi mahukan kekhusyukan yang penuh daripada pembaca daripada kalangan intelektual.

Bab pertama dan kedua dalam *Discourse* adalah cerita Descartes tentang dirinya dan citarasanya. Pada awalnya lagi beliau menyeru kepada pembacanya untuk mengamalkan *good deria* yang bagus (*good sense*) dalam kedapatan ilmu. Pada masa yang sama, beliau mengajak para pembacanya supaya lebih bersabar dan berjalan berhati-hati di rimba pengetahuan. Ujar Descartes: "Pemikiran terhebat berupaya untuk kemaksiatan terhebat, sama juga untuk kemuliaan terhebat; mereka yang bergerak ke hadapan tetapi perlahan-lahan boleh pergi jauh sekiranya mereka selalu mengikuti jalan yang benar, daripada mereka yang terlalu terburu-buru dan tersasar dari jalan." (DM: 5; terjemahan saya). Beliau menyebut pembelajaran klasik awalnya tentang wacana Latin dan Yunani, dan bagaimana, beliau mendapati terlalu banyak ilmu yang dipelajari tidak berkesesuaian dengan zamannya. "Apabila terlalu banyak merantau," Descartes berkata, "kita akhirnya menjadi orang asing di negara sendiri; dan apabila kita terlalu mendalami diri kita ke dalam amalan zaman silam, kita selalunya menjadi begitu jahil sekali terhadap amalan zaman kita." (DM: 6; terjemahan saya). Beliau menggemari seni pidato dan puisi; namun menganggapnya cumalah "hadiah minda dan bukannya sebuah hasil kajian" (DM: 9; terjemahan saya). Matematik, walau bagaimanapun, dipandanginya begitu tinggi. Pendapat sebegini sebenarnya, samalah dengan Sokrates/Socrates dan Aflatun/Plato lebih 2000 tahun yang lalu. Dalam *Republik* karya Aflatun, Sokrates menyebut bagaimana seni mengira dan geometri adalah dua perkara utama dalam meningkatkan kekuatan falsafah seseorang sehingga dapat menghampirkannya kepada kebenaran (lihat *Republik*, 525A-526E). Malah, Descartes agak terkejut apabila mendapati komposisi mantik/logik matematik hanya diterapkan/diapllikasikan kepada perkara mekanik (mekanikal), yang berteknologi dan bukannya kepada falsafah. Dibandingkan dengan penulisan jahiliah silam seperti para pemikir Yunani (walaupun sebenarnya, Heraklitus dan Aristoteles bukanlah orang Kristian pun!), mereka ini diibaratkan membina mahligai indah di atas tanah yang berlecah, yang boleh roboh dengan mudah. Ini kerana mahligai ilmu yang dibina, menurut Descartes, tanpa bersandarkan dengan kekuatan aqal, demonstrasi logik (mantik) dan pembuktian yang kukuh ialah sama seperti membina mahligai angan-angan. Sekiranya falsafah sendiri berasaskan lecah, maka disiplin-disiplin lain yang bersandarkan kepada falsafah turut sama mempunyai "asas yang goyah." (DM, 10). Kajian falsafah sebagai metafizik amat penting bagi beliau, sehinggalah beliau menulis: "Maka, kesemua falsafah adalah seperti sepohon pokok. Akarnya ialah metafizik, batangnya adalah fizik, dan dahan-dahan yang tersembul daripada batang ini adalah sains-sains lain, yang mungkin dapat diperkecilkan kepada tiga dasar, yakni perubatan, mekanik dan moral" (Descartes, 1985: 186; terjemahan saya). Maka sebab itulah apabila beliau sudah cukup matang, beliau lari daripada kongkongan cikgu-cikgunya serta ideologi sekolahnya lalu merantau dan bercampur dengan orang kebanyakan dan bangsawan untuk menambah pengalaman. Pada masa ini, Descartes amat dahagakan kefahaman dan kebenaran yang konkrit, sesuatu yang berlangsung di luar buku-buku 'kuno.' Pada tahun 1618, beliau menyertai tentera Prince Maurice di Belanda. Tahun berikutnya, beliau menyertai tentera Elector Maximilian, seorang *Duke* di Bavaria, Jerman. Sekitar 1622–25, beliau menjelajah Eropah dan bermastautin untuk sementara di Paris bersama rakannya Mersenne, sebelum menetap di Belanda pada tahun 1628.

Sepanjang pengalamannya di luar sekolah, beliau mendapati bahawa kebenaran yang *sebenarnya* tiada kaitan sama ada ia dibuat secara berkumpulan atau persorangan. Malah, satu senibina akan nampak cantik bukannya apabila direka oleh pelbagai orang tetapi apabila diketuai oleh wawasan perseorangan. Beliau berpendapat bahawa negara Sparta tidak mungkin akan berjaya sekira perundangannya diterbitkan tanpa wawasan yang diketuai oleh seorang individu. Sekiranya begini, Descartes berefleksi, maka tidak tentunya karya teks yang dibuat oleh orang ramai lagi bagus daripada dibuat oleh seorang individu. Malah, tidak semestinya juga pendapat yang ramai lagi bagus daripada pendapat perseorangan. Descartes berpendapat bahawa “pandangan majoriti tidak mempunyai nilai sebagai bukti kebenaran yang sukar ditemui, kerana pandangan itu lebih mudah dijumpai oleh seorang tunggal ~~lelaki~~ dengan sendirinya daripada ramai” (DM, 16; terjemahan saya). Inilah hasil meditasi Descartes di awal *Discourse*.

Tiga bidang ilmu dikenalpasti oleh Descartes sebagai terpenting dalam kajiannya: logik falsafah, analisis geometri dan aljabar (algebra). Secara bersendirian, masing-masing mempunyai kelemahan, tetapi apabila digabungkan bersama, ilmu ke arah kebenaran dapat ditakwilkan dengan lebih baik. Untuk itu, Descartes menawarkan empat kaedah/metode dalam mana-mana perungkaian masalah yang dihadapinya (DM: 17): **Pertama**, jangan sekali-kali menerima kebenaran mudah apatah lagi jikalau perkara berkenaan mudah dipertikaikan. Jangan membuat keputusan terburu-buru. Elakkan prejudis. **Kedua**, setiap masalah yang diperiksa dan diamati mestilah dibahagikan kepada sebanyak bahagian yang boleh. Ini dapat memudahkan penyelesaian masalah tersebut dengan lebih efisien (cekap). **Ketiga**, setiap masalah yang dihadapi mestilah dihadapi dengan pemikiran yang tersusun; yakni, mulakan dengan yang lebih mudah dan paling difahami dan seterusnya, beransur-ansur bergerak ke masalah yang paling kompleks. Sebagai contoh, sekiranya tidak dapat menyelesaikan masalah catur, mulakan dengan paling mudah; apakah buah yang terhampir yang dikenakan serangan dan daripada ini, cuba menyelesaikan bagaimanakah cara menyelamatkannya atau apakah perlu diselamatkan buah tersebut? **Keempat** dan terakhir, membuat perhitungan secara menyeluruh terhadap set masalah tersebut sehingga “aku akan yakin tiada apa lagi yang tertinggal.” (DM: 17; terjemahan saya).

Kaedah di atas ialah cara-cara Descartes mengelakkan pertikaian (walaupun sebenarnya, rasional Descartes sering menjadi pertikaian dalam sejarah falsafah Barat-Eropah kemudiannya!). Kekuatan kaedah persymbolan dalam geometri dan aljabar digunakan supaya masalah dapat dimasukkan ke alam imajinasi dengan mudah. Pernyataan panjang dapat diformulakan kepada satu abjad ‘A’ atau ‘B.’ Kaedah-kaedah ini, apabila disatukan dengan pengalaman yang luas, membolehkan kita merancang dan menulis dengan lebih sempurna lagi.

Tidak cukup dengan senarai kaedah/metode disebutkan di atas, Descartes meletakkan beberapa prinsip asasnya di dalam Bab 3 *Discourse*. Pertamanya ialah patuh kepada hukum atau undang-undang dan adat serta taat kepada agama dan Tuhan. Ini memudahkan beliau bebas daripada tekanan kenegaraan atau melakukan jenayah yang akan mengganggu perhakimannya terhadap masalah falsafah yang dihadapinya. Keduanya ialah untuk bersifat tegas dan berpendirian teguh selagi termampu. Pendirian teguh ini diibaratkan oleh Descartes seperti pengembara yang sesat di dalam hutan, yang ketika itu dia mesti tidak berpusing-pusing mencari jalan, tetapi menetapkan untuk berjalan terus di atas satu jalan; sekurang-kurangnya dengan cara ini si pengembara ini mempunyai kebarangkalian tinggi untuk keluar daripada tengah-tengah belantara (DM: 22). Pepatah sebegini dapat mengelakkan Descartes daripada sangsi dan menyesal dengan kelemahan ilmunya.

Prinsip ketiga; untuk sentiasa berusaha menguasai diri daripada meletakkan kesalahan kepada nasib. Semuanya bermula daripada jiwa kita sendiri; lebih molekul merubah keinginan kita daripada susunatur dunia, bukan? Secara amnya, Descartes berpendapat untuk “meletakkan kepercayaan bahawa tiada apa yang sebenarnya berada dalam kawalan kita kecuali pemikiran kita...” (DM: 23; terjemahan saya). Prinsip sebegini sudah mencukupi bagi Descartes; prinsip ini dapat mengelakkannya daripada berkeinginan melebihi kemampuannya. Nafsu juga dapat dikawal melalui kekuatan aqal apabila kawalan itu tidak berat untuk difahami atau dilaksanakan. Menguasai pemikiran dengan penuh efisien amat penting dalam ilmu Descartes dan ini kita akan saksikan kelebihan pemikiran di bab seterusnya dalam *Discourse*. Kod-kod moral yang disebut di sini cukup memuaskan Descartes sehingga beliau mengujar:

Aku telah mengalami kegembiraan yang begitu besar sekali semenjak aku menerapkan kaedah/metode ini sehingga aku tidak percaya, bahawasanya ada kepuasan yang lebih manis atau lebih naif boleh dinikmati di dalam hidup ini; dan setiap hari melalui penerapannya, aku menemui pelbagai kebenaran yang bagiku, begitu penting dan biasanya tidak diketahui oleh manusia lain, kepuasan yang aku dapati daripadanya memenuhi fikrah aku sehingga ke satu tahap bahawa tiada lain yang penting buatku

(DM: 24; terjemahan saya).

### ***Aku fikir; maka aku ada***

Pada Bab 4 – bahagian paling menarik sepanjang *Discourse* – Descartes mengajukan kata-katanya yang terkenal: ***Aku fikir; maka aku ada*** (DM: 28; terjemahan saya). Kenapa fikiran diangkat sebagai sumber pembuktian kewujudan? Ini kerana fikiranlah yang paling terhampir memberikan tenaga bagi meragui dan mempercayai. Kemampuan untuk meragui ialah permulaan bagi kemantapan berfikir. Dalam meditasinya terhadap dunia, Descartes mendapati manusia sangat mudah untuk membuat kesilapan; beliau sendiri mengakui tidak dapat lari daripada membuat kesilapan. Jika orang yang bijak juga kadangkala membuat perkara tidak rasional, maka Descartes menganggap bahawa ilmu terdahulu (sebagai contoh, falsafah Yunani) tidak boleh dipercayai seratus peratus. Di sini, kita boleh perhatikan bagaimana Descartes memulakan Bab 4 dengan keraguan terhadap apa yang ada. Hanya dengan meragui, atau bersifat skeptis, maka fikiran dapat dibebaskan untuk mencari masalah dan jawapan. Untuk memudahkan refleksinya, Descartes membuat resolusi untuk “beranggapan bahawa apa-apa yang telah masuk ke dalam kepalanya tidak lebih benar daripada ilusi mimpinya” (DM: 28; terjemahan saya). Sekiranya kesemua sejarah ilmu dan fenomena mungkin salah, jadi apa yang benar? Di sini Descartes membuat satu kesimpulan mudahnya, yang begitu berpengaruh dalam sejarah falsafah Barat. Beliau mendapati bahawa hanya fikirannya sahaja yang tinggal apabila berlakunya keraguan tentang yang baik dan salah. Maka meditasinya mesti dimulai dengan: *Aku fikir; maka aku ada*. Di dalam Perancis asal, *je pense, donc je suis*. Di dalam bahasa Latin terkenalnya: *Cogito ergo sum*. Ini kata-kata hikmah Descartes yang muncul kembali dalam karya-karyanya yang seterusnya, *Meditations on First Philosophy* dan *The Principles of Philosophy* (asalnya dalam Latin: *Principia philosophiae*, 1644), dan yang sering berkumandang di dalam kesusasteraan Eropah-Barat serta menimbulkan banyak kritikan dan sahutan ilmuwan sepanjang zaman. Di dalam memikirkan tentang fenomena, Descartes mesti memulai dengan apa itu kebenaran, dan dalam mempersoalkan kebenaran, hanya *fikirannya sahaja* yang mampu mencapah tentang realiti kebenaran. Berfikir bermakna – Descartes wujud. Inilah kebenaran awal yang tidak boleh disangkal lagi, yang Descartes berkata “*je jugeai que je pouvois la recevoir sans scrupule pour le premier principe de la philosophie que je cherchois*” (1902: 32) dan dalam bahasa Melayunya: “anggapkan aku boleh terima tanpa rasa bersalah, sebagai prinsip pertama bagi falsafah yang aku sedang cari”. (Terjemahan saya)

Kaedah/Metode Cartesian tentang bagaimana meragui sesuatu sehingga yang diragui itu dapat dibuktikan dengan rasional aqal amat mempengaruhi sains moden, biologi, logik dan fizik. Kebenaran yang rasional di sini dapat menolak kepercayaan tradisi yang mencengkam budaya dan sejarah ilmu sesuatu kaum. Adalah penting dalam mencari kebenaran bermula dengan mengenali diri sendiri kerana langkah itu akan menentukan siapa diri ini dalam mendekati perkara-perkara yang dihadapi seharian. Mengenali diri bererti menyedari yang kita ini berfikir untuk mengenali diri. Setelah memahami ‘kesedaran diri’ maka fikiran boleh bersedia memerhatikan kesan-kesan lain yang bertentangan atau berharmoni dengan kesedaran diri. Sebagai contoh: Apakah ada orang lain yang sama macam saya? Ya, tidak dan tidak pasti. Ya, saya tahu ada manusia lain yang wujud bersama saya di muka bumi ini, namun saya tidak tahu apa yang difikirkannya dan tidak pasti tentang bagaimana kewujudannya akan berakhir. Menyedari betapa manusia ini terhad bererti; menyedari kebarangkalian ada benda lain yang tidak terhad. Descartes melihat perkara di sekitarnya dan mendapati banyak kesalahan, keburukan dan ketidaksempurnaan. Apakah saya sempurna, tanya Descartes dalam Bab 4 *Discourse*. Tidak, kerana sekiranya saya sempurna maka saya boleh hidup lama, tidak pernah buat salah. Walau bagaimanapun, saya buat salah dan akan mati maka; saya tidak sempurna. Sekiranya saya tidak sempurna, maka sudah

pasti ada benda lain yang sempurna. Siapa? Sudah pasti Tuhan yang mencipta dan mengatur alam. Ini adalah bagaimana Descartes cuba memberikan rasional kepada kepercayaannya tentang Tuhan. Jika dilihat struktur sejarah Descartes dari muda hingga dewasa, kita barangkali boleh katakan bahawa Descartes *mampu* membuktikan kewujudan Tuhannya berdasarkan pengurangan aqalnya kerana beliau telah *tersedia* didoktrinisasikan sejak daripada muda oleh sekolah Jesuit dan budaya masyarakat Katolik Perancis pada ketika itu; untuk mempercayai *adanya* Tuhan dan Tuhan itu ialah Jesus. Dalam hal ini, *kepercayaannyalah* yang memberinya peluang untuk membuktikan bahawa Tuhan itu ada, dan bukannya semata-mata rasional aqal. Terdapat unsur dualisme di sini: Kepercayaannya yang memberikan justifikasi kepada hujah aqal, dan aqal yang mendemonstrasikan kepercayaan dalamannya. Ironi bagi sistem kepercayaan boleh dilihat sebegini: Seorang tidak percaya bahawa adanya Tuhan. Fahaman ini biasanya dipanggil ateis. Dalam hal ini, beliau tidak nampak Tuhan berada di mana-mana tapi cumalah muncul sebagai satu fiksyen lama. Namun, setelah bertemu dengan ajaran Buddha, sang ateis ini telah mendapat sinar baharu, dan mempercayai adanya Tuhan. Tiba-tiba, kewujudan Tuhan ini diletakkan oleh yang dahulunya ateis ini sebagai ada di mana-mana (*omnipresent*), Dia adalah sebelum kewujudan sang ateis itu dan Dia juga adalah selepas sang ateis itu.

Descartes amat yakin dengan prinsip pertama falsafahnya dan menulis, “Tuhan ada atau wujud, kerana Dia ialah kesempurnaan, dan kerana setiap benda yang berada dalam kita datangnya daripada Dia (DM: 33; terjemahan saya). Justeru, apa-apa yang muncul dalam kita juga ada kebenarannya, kerana benda semuanya datang daripada Tuhan. Sekiranya ada kesalahan atau kesilapan atau salah-faham, hal itu berlaku kerana proses kebenaran yang dianugerahkan oleh Tuhan ke dalam diri kita bertembung dengan ketidaksempurnaan kita sebagai manusia ciptaan Tuhan. Dalam formula “aku fikir; maka aku ada” Descartes bermula dengan fikiran, kemudiannya kewujudannya dan seterusnya kewujudan Tuhan; ini dibuat agar perhubungan kesemua ini dapat dilihat menerusi kewujudan ‘roh.’ Jika dilihat pernyataan Aristoteles dalam *De Anima*, roh ialah prinsip pertama bagi benda bernyawa (*De Anima*, 402A). Roh, kata Descartes, ialah abadi. Ini juga prinsip Kristian Katolik. Ini juga pendapat Aflatun, “Tidakkah kau sedar bahawa roh kita ialah abadi dan tidak pernah musnah?” (Lihat *Republic*, 608A-611D; terjemahan saya).

Frans Burman (1628–79), seorang sarjana Belanda, pernah cuba mentakrifkan pernyataan Descartes *cogito ergo sum* kepada pernyataan logik seperti berikut (DM: 1v):

Apa-apa yang berfikir wujud

Aku sedang berfikir

---

Maka aku wujud.

Descartes tidak bersetuju dengan pernyataan silogisma di atas. Ini kerana pernyataan itu mencadangkan bahawa kita *terlebih dahulu* mengetahui ada benda lain sedang berfikir, walhal Descartes memulakan meditasinya dengan memikirkan bahawa *hanya* dia yang sedang berfikir, dengan andaian bahawa kesemua perkara yang diketahuinya mungkin palsu belaka.

Dalam Bab 5, Descartes memulakan penulisannya dengan memuji kesempurnaan Tuhan dan bagaimana kesempurnaan ini dibayangkan menerusi alam. Kesemua fenomena bintang dan planet bergerak menerusi peraturan tertentu dan setiap ketentuan tersebut saling melengkapi sesama lain, bagaimana daripada hujung timur ke hujung barat, “gunung, laut, mata air, dan sungai secara semulajadinya membentuk diri mereka, logam muncul di lombong, tumbuh-tumbuhan berkembang di desa dan secara umumnya, bagaimana setiap jasad yang dipanggil *campuran* atau *terbentuk* muncul bersama” (DM: 36; terjemahan saya). Tiada apa, Descartes menulis, lebih jelas atau lebih difahami daripada kewujudan roh dan Tuhan (DM: 36). Pernyataan Descartes terhadap alam dan perjalanan bintang dan planet ialah supaya menunjukkan betapa kemasnya ciptaan Tuhan, dan pada masa yang sama, memanifestasikan alam seperti mesin yang sentiasa bergerak dan berubah mengikut ketetapan yang telah dirancang oleh Tuhan, yang dengan pergerakan ini boleh dicekalkan sebagai formula matematik. Ini juga

dipanggil secara am sebagai *falsafah mekanik*, apabila alam dilihat berdasarkan prinsip mekanisma seperti cara basikal boleh bergerak kerana ada pusingan pedal yang boleh dikayuh.

Sekitar halaman 39 hingga 47 *Discourse*, Descartes menceritakan panjang lebar pengumpulan darah dan pengalirannya dalam badan manusia di *vena cava*, "batang pokok di tempat kesemua urat di dalam badan adalah dahan-dahannya" (DM: 39; terjemahan saya) dan *vena arteriosa*, arteri yang bermula daripada jantung, dan mempunyai dahan-dahannya di seluruh peparu. Pergerakan darah, menurut Descartes, bergerak dalam manusia dan haiwan dalam satu cara sehingga darah mengalir bukan sahaja membawa haba di dalam badan, tetapi membawa bersama roh. Dalam hal sebegini, roh manusia seperti satu zarah yang tidak boleh diperkecilkan atau dipecahkan tetapi bergerak dan berinteraksi secara automatik dan memancarkan tenaga di kelenjar pineal di dalam saraf otak. Pendapat Descartes ini sebenarnya dipengaruhi sebahagiannya oleh pemerincian yang dibuat oleh William Harvey, *Exercitatio anatomica de motu cordis et sanguinis in animalibus* (Frankfurt, 1628) yang terjemahan dalam bahasa Melayunya: *Perbahasan Anatomi tentang Pergerakan Jantung dan Darah di dalam Makhluk*. Walau bagaimanapun, Descartes mendakwa bahawa penemuan Harvey adalah seiring dengan penemuannya. (Malah, Descartes tidak menyebut pun nama Harvey, tetapi menggunakan perkataan 'seorang Lelaki Inggeris'). Dalam proses mekanisma badan, Descartes menghujahkan bahawa Tuhan menciptakan *roh rasional* dan menganugerahkannya kepada badan manusia yang darahnya mengalir di lengan, otak, jantung dan kaki (DM: 39). Ini jugalah sebabnya apabila manusia atau binatang berhenti mengalir darah, maka rohnya hilang.

Di dalam sistem pengedaran darah di dalam tubuh, Descartes menyebut bagaimana terdapat "sentiasa lebih haba di dalam jantung daripada di mana-mana bahagian dalam badan" (DM: 40; terjemahan saya). Haba di dalam jantung ini membolehkan "setitik darah yang melalui rongga-rongganya untuk membengkak dengan serta-merta dan untuk mengembang, sama seperti kesemua cecair lakukan apabila mereka dibenarkan untuk jatuh titik demi titik ke dalam mangkuk yang sangat panas" (DM: 40-41; terjemahan saya). Pengedaran sistem darah ini, Descartes ibaratkan seperti pergerakan jam (DM: 42). Ini kerana Descartes amat mempercayai kecekapan pergerakan alam dan badan manusia yang diibaratkannya sepanjang *Discourse* seperti mesin.

Darah yang beredar di dalam tubuh manusia bukan sahaja membawa haba dan udara bersamanya, tetapi juga adalah apa yang membantu perut untuk mencerna makanan dan paling menarik sekali, yang "menjanakan semangat haiwan, yang diibaratkan seperti angin yang kencang, atau sebaiknya seperti satu api hidup yang tulen, yang naik berterusan dengan melimpah-ruah daripada jantung ke otak, bergerak daripada situ menerusi saraf-saraf ke dalam otot, dan memberikan pergerakan kepada kesemua anggota-anggota badan" (DM: 45; terjemahan saya). Perkara penting yang Descartes gesakan di sini ialah kewujudan semangat kehaiwanan; bagaimana ia berada di dalam tubuh manusia, untuk menggerakkan anggota badan. Sebagai contoh, kita masih lagi dapat melihat pergerakan kepala yang baru dipotong untuk beberapa ketika walaupun ia telah bercerai dari badan. Semangat kehaiwanan yang Descartes maksudkan di sini terbit daripada pemikir dan pakar bedah Yunani bernama Galen (129 SM– sekitar 216 SM). Karyanya tentang sains pembedahan dan biologi amat mempengaruhi kajian sains di Eropah-Barat dan Timur Tengah selama 1,500 tahun (sehinggalah beberapa teori pentingnya dipatahkan oleh William Harvey). Menurut teori Galen, asas kehidupan ialah *pneuma* (udara atau nafas) dan arteri manusia dipenuhi dengan *pneuma*. *Pneuma* terdiri daripada tiga bahagian, *pneuma psychicon* (*animal spirit*; semangat kehaiwanan) di otak, *pneuma zotikon* (*vital spirit*; semangat penting) di jantung dan *pneuma physicon* (*natural spirit*; semangat semulajadi) yang terletak di hati (lihat Smith, Frixione, Finger & William 2012: 35-37; untuk diskusi tentang *definisi pneuma* dalam sains klasik Yunani, lihat Lloyd 2007: 135-146). Terdapat pelbagai kegiatan/aktiviti seharian yang berlaku yang menokok-tohok perubahan dalaman otak kita. "Cahaya, bunyi, bau, rasa, haba dan segala kualiti daripada objek luaran boleh meninggalkan kesan pelbagai idea dalam otak melalui pengantaraan deria" (DM: 45; terjemahan saya). Ini juga termasuk rasa berahi dan lapar menjadi idea sebelum ke otak.

Sekiranya semangat kehaiwanan muncul bukan sahaja di otak manusia tetapi juga di binatang, apa yang membezakan manusia dan binatang? Menurut Descartes terdapat dua jawapan yang berkaitan. Pertama, tiada manusia yang benar-benar bodoh atau gila sehingga tidak mampu untuk berkata (atau

menulis) kata-kata yang berbeza sebagai satu ayat. Keduanya, tiada binatang, tidak kira daripada jenis apa, yang mampu buat perkara yang sama. (DM: 47). Burung kakaktua boleh berkata namun tidak boleh berbicara seperti manusia, yakni “menunjukkan mereka memikirkan tentang apa yang mereka cakap; walhal manusia yang pekak dan bisu,” “selalunya mencipta simbol-simbol tertentu untuk menjadikan mereka difahami oleh mereka yang rakan-rakannya mempunyai masa untuk mempelajari bahasa mereka” (DM: 47; terjemahan saya). Seorang bayi yang baru belajar bercakap mempunyai intensiti dan kapasiti akal yang tinggi daripada seekor monyet yang matang. “Ini menunjukkan bukan kerana binatang mempunyai aqal yang berkurangan daripada manusia, tetapi mereka langsung tiada” (DM: 47; terjemahan saya). Apakah yang dapat disimpulkan di sini? Bahawasanya, manusia dikurniakan *roh rasional* manakala binatang tidak. Roh yang berada di dalam binatang, adalah amat berbeza dengan yang berada di dalam manusia. Binatang tidak mempunyai “kuasa mental apapun” (DM: 48), kalau nampak sekalipun, ia *cumalah kuasa alam yang beraksi di dalam pergerakan binatang*. Dengan mengatakan bahawa binatang tidak mempunyai roh rasional, walaupun ada sesetengah daripada mereka mempunyai kekuatan (seperti gajah) dan ketangkasan (harimau bintang) yang lagi baik daripada manusia. Descartes menyamakan binatang-binatang seperti ini seperti jam yang begitu efisien, yang dapat memberitahu waktu lebih baik daripada manusia, tetapi tidak mempunyai kebijaksanaan manusia. Makanya, roh rasional tidak mungkin muncul daripada peredaran darah dan haba yang berlangsung di dalam singa atau burung merpati, tetapi roh rasional itu diciptakan khas oleh Tuhan, *hanya* untuk golongan manusia. Dengan hujah ini, Descartes mendemonstrasikan sekali lagi *wujudnya* Tuhan; sekiranya tidak, kenapa ada perbezaan akal antara manusia dan haiwan?

Selepas menceritakan tentang aliran darah dalam badan dan tenaga haba yang terjana, serta roh yang turut sama berada dalam badan bernyawa, Descartes kembali balik kepada refleksi terhadap ilmunya dan budaya ilmu masyarakat setempat dalam Bab 6, segmen terakhir bagi *Discourse*. Descartes memulakan betapa beliau telah menghabiskan tiga tahun hidupnya untuk menyiapkan bab-bab awal *Discourse* dan beliau tiba-tiba rasa ragu-ragu terhadap penerbitannya nanti, kerana telah berlaku pada ketika ini, seseorang ilmuwan lain telah dikritik teori fiziknya oleh satu wibawa/autoriti yang amat dihormatinya. Beliau tidak menyebut nama pemikir tersebut kerana takut tersabit bersama, namun pemikir yang tidak bernama dimaksudkannya itu ialah Galileo dan wibawa itu adalah Gereja Kristian Katolik di Italia. Kita mesti memahami bahawa René Descartes ialah seorang penganut setia Roman Katolik. Budaya pembesarannya adalah daripada sekolah Jesuit. Maka tidak hairanlah Descartes sentiasa mempunyai sifat taat (dan takut) kepada Institusi Gereja walaupun beliau mahukan satu revolusi rasional lagi sains berlaku di kalangan cendekiawan dan agamawan pada zamannya.

## Kesimpulan

Bicara Descartes tentang kerasionalan, sekiranya kita lihat balik, tidak lari daripada gabungan (kombinasi) pertembungan antara alam, moral, kebenaran dan ketuhanan. Kata-kata ahli matematik Blaise Pascal (1623-62) daripada sketsanya yang bertajuk *Pensées*, mungkin boleh dipetik di sini untuk memahami kenapa: “Sifat sebenar manusia, kebaikan sebenarnya, nilai sebenarnya, dan agama sebenarnya, tidak boleh diketahui secara berasingan” (*Pensées*, No. 12; terjemahan saya). Inilah sebabnya para pemikir Barat kurun ke-16 hingga ke-18 – Descartes, Pascal John Locke, David Hume, George Berkeley – tidak dapat lari daripada membicarakan agama dan moral apabila membincangkan tentang logik dan budaya. Kebenaran yang mutlak, bagi mereka, adalah memahaminya *bersama* ilmu dunia dan akhirat. Di dalam Bab 5 daripada *Meditations on First Philosophy*, Descartes menulis: “Keyakinan dan kebenaran tentang segala ilmu bergantung secara uniknyanya tentang kesedaran aku terhadap Tuhan yang benar, sampailah satu takat aku tidak mampu untuk mencapai ilmu yang sejati tentang apa-apa jua sehingga aku menyedari tentang Tuhan” (1984: 49; terjemahan saya). Kepercayaan tentang Tuhan adalah paksi bagi bagaimana Descartes mulai berfalsafah kerana tiada kebenaran mengakui Tuhan sebagai pencetus awal bagi semua makhluk dan alam. Descartes *tahu* Tuhan itu *ada*. Walau bagaimanapun, pengetahuannya itu terhad, “kerana adalah boleh untuk mengetahui yang Tuhan ialah Kuasa yang tak

terhingga walaupun roh kita, yang sedia terbatas, tidak memahami atau membayangkan Dia" (Surat kepada Mersenne, 27 Mei, 1630, lihat Cottingham et al 1991: 25; terjemahan saya).

*A Discourse on Method* ialah wacana peribadi Descartes tentang bagaimana beliau mendekati permasalahan realiti (kenyataan/hakikat) dan bagaimana kebenarannya dapat diungkapkan. Wacana itu bermula dengan muhasabah diri dengan menceritakan siapa dirinya dan sejarah pendidikannya (Bab 1 dan 2), prinsip-prinsip yang beliau pegang untuk menjaga maruah dirinya agar tidak terpesong (Bab 2 dan 3), refleksi terhadap dirinya menerusi hubungan fikiran, kewujudan, ketuhanan dan keabadian roh (Bab 4), bagaimana peredaran darah di dalam arteri yang bergerak seluruh badan dapat menunjukkan perbezaan kewujudan roh di antara manusia dan haiwan (Bab 5). Di akhir Bab 6, beliau kembali balik kepada cerita dirinya, mengkritik pegangan pengaruh Yunani tersedia ada dan kegelisahannya terhadap persepsi dan penerimaan masyarakat, dan harapan beliau terhadap buku yang akan diterbitkannya. Sebenarnya bab-bab yang diceritakan amat cantik sekali kerana terdapat kesinambungan yang cermat dan apabila beliau menceritakan kelemahan dan kekuatan dirinya, cerita itu memberikan peluang bagi para pembaca beridentifikasi dengan lebih baik. Melihat *siapa* diri sendiri sebelum memulakan kajian atau refleksi memang bagus kerana dapat mengurangkan 'berat sebelah' terhadap ilmu yang kita wacanakan, serta memberikan ruang untuk kontekstual retrospektif. Sebagai contoh, Pierre Bourdieu, seorang sosiologis dan falsafawan Perancis, amat menggalakkan sosiologi merefleksi (*reflexive sociology*), yakni satu pendekatan yang seorang sosiologis atau sejarawan mesti mengambil kira posisi mereka dalam kajian yang mereka lakukan kerana tiada objektif yang benar-benar boleh lari daripada prasangka (prejudis); satu pendekatan yang saya kira, dipengaruhi oleh kaedah/metode Descartes.

## Catatan Hujung

<sup>1</sup> Maksudnya 'peredaran dan perubahan sifat ke dalam sifat lain' di mana roti dan wain yang digunakan dalam *Eucharist* (Dalam 'Makan Malam Terakhir' Jesus, ketika beliau berkongsi makanan dengan pengikutnya, beliau menyebut roti "Inilah badanku," dan wain "Inilah darahku") bukan lagi satu simbol, tetapi merupakan badan dan darah Jesus. Disebut juga sebagai *metousiosis* dalam Yunani.

<sup>2</sup> Lebih dahulunya, Jeanne d'Arc didapati bersalah oleh gereja di England dan dibakar di kayu pancang sekitar 1431.

<sup>3</sup> Lihat *Psalms* 93:1: "*The Lord reigneth, he is clothed with majesty; the Lord is clothed with strength, wherewith he hath girded himself: the world also is stablished, that it cannot be moved*" (King James Version).

## Rujukan

- Aristotle. 1986. *De Anima (On the Soul)*, terjemahan Hugh Lawson-Tancred. London: Penguin Classics.
- Bourdieu P. & Wacquant L.J. D. 1992. *An Invitation to Reflexive Sociology*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Cottingham J. (Pnyut.). 1992. *The Cambridge Companion to Descartes*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Crivellato E. & Ribatti D. 2007. Soul, mind, brain: Greek philosophy and the birth of neuroscience. *Brain Research Bulletin* (71)327-336.
- Descartes R. 1902. *Oeuvres de Descartes: Discours de la method & Essais*, Vol. VI, disunting oleh Charles Adam dan Paul Tannery. Paris: Leopold Cerf.
- , 1984. *The Philosophical Writings of René Descartes* Vol. II, terjemahan John Cottingham, Robert Stoothoff dan Dugald Murdoch. Cambridge: Cambridge University Press.
- , 1985. *The Philosophical Writings of René Descartes* Vol. I, terjemahan John Cottingham, Robert Stoothoff dan Dugald Murdoch. Cambridge: Cambridge University Press.
- , 1991. *The Philosophical Writings of René Descartes* Vol. III, terjemahan John Cottingham,

- Robert Stoothoff dan Dugald Murdoch dan A. Kenny. Cambridge: Cambridge University Press.
- , 1996. *Meditations on First Philosophy with Selections from the Objections and Replies*, terjemahan John Cottingham. Cambridge: Cambridge University Press.
- , 2004. *The World and Other Writings*, terjemahan Stephen Gaukroger. Cambridge: Cambridge University Press.
- , 2006. *A Discourse on the Method*, terjemahan Ian Maclean. New York: Oxford University Press.
- , 2008. *Meditations on First Philosophy with Selections from the Objections and Replies*, terjemahan Michael Moriarty. New York: Oxford University Press.
- Hankinson R. J. (Pnyut.). 2008. *The Cambridge Companion to Galen*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hume D. 2007. *An Enquiry Concerning Human Understanding*, disunting oleh Peter Millican. New York: Oxford University Press.
- Lloyd G. 2007. Pneuma between body and soul. *Journal of the Royal Anthropological Institute (N.S.)*, 135-146.
- Pascal B. 1995. *Pensées and Other Writings*, terjemahan oleh Honor Levi. New York: Oxford University Press.
- Plato. 2007. *Republic*, terjemahan Joe Sachs. Newburyport, MA: Focus Publishing.
- Smith C.U.M., Frixione, Eugenio., Finger, Stanley., & Clower, William. 2012. *The Animal Spirit Doctrine and the Origins of Neurophysiology*. New York: Oxford University Press.